



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/01/06 (HQ)

### KELENGKAPAN SEKOLAH BARU UNTUK 420 MURID

Empat ratus dua puluh (420) murid daripada keluarga kurang berkemampuan di Parlimen Mambung, Sarawak hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan untuk sesi tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau Back To School anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air, YB Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit merangkap Ahli Parlimen Mambung, Sarawak. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di sekitar kawasan tersebut.

Pengurus Besar, Komunikasi Korporat TNB, Omar Sidek berkata, sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam, kasut dan beg sekolah adalah bernilai RM200 setiap seorang menjadikan jumlah keseluruhannya bernilai RM84,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 19 Kawasan Parlimen di 9 buah negeri iaitu, Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,800 murid-murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.24 juta.

Pada tahun 2013, seramai 1,299 orang murid daripada 78 buah sekolah di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini. Manakala dalam tahun 2014, seramai 2,489 orang murid daripada 109 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri.

**Dikeluarkan di Mambung, Sarawak pada 16 Januari 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut media, sila hubungi Puan Hawa Anwar di 019-2691907  
atau Maizatul Nadiah Saadon 017-3816602  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*